


PANDELELA RINONG
menamatkan persaingan
dalam acara terjun 10 meter
platform di Montreal, Kanada
di tempat keempat.



Pandelela, Jun Hoong gagal teruskan kecemerlangan

KUALA LUMPUR 29 April - Kejayaan menang emas dalam acara berpasangan pada Jumaat lalu gagal diteruskan oleh dua ratu terjun negara Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong apabila masing-masing menamatkan persaingan final 10m platform individu dalam pusingan ketiga Kejohanan Terjun Siri Dunia FINA di Montreal, Kanada hari ini tanpa berada dalam kedudukan meraih pingat.

Pertandingan di Centre Sportif du Parc Olympique itu menyaksikan Pandelela sekadar menamatkan persaingan di kedudukan



Pandelela mencatatkan 343.15 mata untuk berada di belakang pemenang pingat gangsa dengan perbezaan 11.5 mata manakala terjunan Jun Hoong pula merekodkan 298.70 mata.

keempat manakala Jun Hoong pula berada di tempat terakhir.

Pandelela mencatatkan

343.15 mata untuk berada di belakang pemenang pingat gangsa dengan perbezaan 11.5 mata manakala terjunan Jun Hoong pula merekodkan 298.70 mata.

Dua tempat teratas dikuasai penerjun dari China dengan Ren Qian mengumpul 395.85 mata untuk menewaskan rakan senegaranya Si Yajie yang mengutip 377.65 mata. Jaguh Kanada, Meaghan Benfeito meraih pingat gangsa selepas mendapat 354.65 mata.

Dua hari lalu, Pandelela dan Jun Hoong berganding untuk memenangi pingat emas acara wanita 10m platform seirama.